


**HALEON**



**Panadol Extra** CAPLET  
Paracetamol 500mg dan Kafein 65mg

Setiap kaplet mengandungi 500mg Paracetamol, 65mg Kafein, Corn Starch / Maize Starch, Pregelatinized Starch, Povidone K25, Talc, Stearic Acid, Potassium Sorbate, Croscarmellose Sodium, Pengawet: Potassium Sorbate (5mg Kaplet).

**Deskripsi Produk**  
Kaplet berwarna putih dengan tepi yang rata. Terukir tulisan PANADOL EK pada satu permukaan dan satu garisan pada permukaan yang sebaliknya.

**Indikasi**  
Panadol Extra mengandungi paracetamol, sejenis analgesik dan antipiretik, dan kafein, sebagai pembantu kepada kesan analgesik paracetamol. Panadol Extra diyorokan untuk merawat kesakitan ringan hingga sederhana serta melegakan demam termasuk: sakit kepala, migran, sakit otot, sakit senggugut, sakit muskuloskeletal, demam dan sakit selepas vaksinasi, sakit selepas prosedur pembedahan / pencabutan gigi, sakit gigi, sakit osteoarthritis serta melegakan gejala-gejala selesema, influenza dan sakit tekak.

**Dos yang Diyorokan**  
 **Dewasa termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:**  
Ambil 1-2 kaplet, setiap 4 hingga 6 jam bila perlu. (Dos maksimum harian: 8 kaplet (4000mg paracetamol / 520mg kafein))  
- Jangan melebihi dos yang diyorokan.  
- Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan harus digunakan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.  
- Selang minimum antara dos: 4 jam.

**Kanak-kanak:**  
Paracetamol-kafein tidak diyorokan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.  
Paracetamol-coffee is not recommended for children under the age of 12 years.

**Cara Pengambilan**  
Pengambilan secara oral sahaja.

**Kontraindikasi**  
Jangan ambil ubat ini jika anda alah kepada paracetamol, kafein atau kandungan lain dalam ubat ini.

**Amaran & Perhatian**  
Jangan mengambil lebih daripada dos yang diyorokan kerana ia boleh menyebabkan kerosakan serius pada hati anda.  
Jangan ambil ubat ini jika anda sedang mengambil sebarang ubat preskripsi atau bukan preskripsi yang mengandungi paracetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala selesema dan influenza, atau untuk membantu tidur.

**Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil jika anda:**

- mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.
- anda mungkin perlu mengelaskan penggunaan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anda ambil.

**Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil jika anda:**

- mengalami jangkitan, kekurangan zat makanan, kurang berat badan yang teruk atau peminum alkohol berat secara kronik kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk:
  - Pernafasan yang mendalam, cepat dan sukar
  - Rasa mual, muntah
  - Hilang selera makan
- Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala ini.
- Sila jumpa doktor jika gejala masih berlanjutan.
- Elakkan pengambilan produk-produk yang mengandungi kafein. Terlalu banyak kafein boleh menyebabkan degupan jantung yang cepat, keugupan atau kesukaran tidur.
- Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakannya jika anda mengalami tekanan darah tinggi, glaukoma atau sindrom pundi kencing yang teruk akibat.
- **JANGAN ambil lebih daripada 8 kaplet dalam tempoh 24 jam.**
- **JANGAN** melebihi dos yang diyorokan, kecuali atas nasihat doktor. Ambil dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan. Pengambilan lebih daripada had maksimum dos harian boleh menyebabkan kerosakan hati yang teruk atau yang membawa maut.
- **JANGAN** ambil dengan produk lain yang mengandungi paracetamol.
- Pastikan daripada pandangan dan coganian kanak-kanak. *Keep out of the sight and reach of children.*
- Sentiasa membaca dan ikut arahan pada label.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

**AMARAN ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala-gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.**

**Interaksi dengan Ubat-ubatan Lain**  
Paracetamol  
Kesan antikoagulan warfarin dan coumatrim yang lain mungkin ditingkatkan dengan penggunaan harian paracetamol yang berpanjangan dengan peningkatan risiko pendarahan; dos sekali sekala tidak mempunyai kesan yang ketara.  
Kafein  
Kafein boleh meningkatkan penyingkiran litium dari badan. Oleh itu, penggunaan bersamaan litium tidak digalakkan.  
**Kehamilan dan Penyusuan**  
Kehamilan:  
Tidak diyorokan untuk diambil semasa kehamilan.  
Not recommended for use during pregnancy.  
Kafein tidak diyorokan untuk diambil semasa kehamilan kerana kemungkinan peningkatan risiko keguguran spontan yang dikaitkan dengan pengambilan kafein.

62000000213797

**Penyusuan:**  
Tidak diyorokan untuk digunakan semasa penyusuan.  
Not recommended for use during breastfeeding.  
Kafein dalam susu ibu berpotensi memberi kesan merangsang pada bayi yang disusui tetapi ketoksikan yang ketara belum diperhatikan.

**Kesan Sampingan**  
Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika anda:  
- mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, apabila beretna masalah pernafasan atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.  
- mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.  
- pernah mengalami masalah penapisan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami reaksi yang serupa dengan produk ini.  
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncaranya.  
Reaksi-reaksi ini jarang berlaku.  
Daripada data pasca-pemasaran, reaksi-reaksi di bawah ini sangat jarang berlaku:  
Trombositopenia, anafaksis, reaksi hipersensitiviti kulit termasuk, antara lain, ruam kulit, angioedema, sindrom Stevens-Johnson dan nekrolisis epidemis toksik, bronkospasme pada pesakit yang sensitif terhadap aspirin dan NSAID lain, distrofi hepatic, pening, sakit kepala, jantung berdebar-debar, insomnia, kegelisahan, kebingungan dan kerengsaan, keugupan, gangguan gastrousus.  
Apabila rejimen dos paracetamol-kafein yang diyorokan digabungkan dengan pengambilan kafein diet, hasilan dos kafein yang lebih tinggi boleh meningkatkan kemungkinan kesan sampingan kafein.

**Gejala dan Tanda:**  
Jika teramat dos berlebihan, dapatkan nasihat doktor dengan segera walaupun anda tidak mengalami sebarang gejala kerana risiko kerosakan hati.  
Pusat Racun Negara (Telefon (9sin-Jumaat 8am-10pm & Sabtu, Ahad, Cuti Umum 8am-5pm): +604-6536999; Laman web: https://pr.usom.my).  
Paracetamol

**Gejala dan Tanda:**  
Pengambilan dos paracetamol yang berlebihan boleh menyebabkan kegagalan hati yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau menyebabkan kematian. Pankreatitis akut pernah diperhatikan, biasanya dengan disfungsi hati dan keracunan hati.

**Rawatan:**  
Tindakan rawatan perubahan diperlukan segera sekiranya berlaku dos berlebihan, walaupun tiada gejala dos berlebihan. Sekiranya berlebihan dos disahkan atau disyaki, dapatkan nasihat segera daripada Pusat Racun Negara dan rujuk pesakit ke Pusat Perubatan kecemasan terdekat untuk pengurusan dan rawatan pakar. Ini harus dilakukan walaupun pada pesakit tanpa gejala atau tanda-tanda dos berlebihan kerana risiko kerosakan hati yang tertangguh. Pengalihan N-acetylcysteine atau methionine mungkin diperlukan.  
Kafein

**Gejala dan Tanda:**  
Dos berlebihan kafein boleh menyebabkan sakit epigastrik, muntah, diuresis, takikardia atau aritmia jantung, rangsangan sistem saraf pusat (insomnia, kegelisahan, ketegangan, fiksan terganggu, kebingungan, gemetar dan kekejangan). Untuk gejala-gejala klinikal yang ketara akibat dos berlebihan kafein dengan produk ini, jumlah yang diambil akan dikaitkan dengan keracunan hati yang serius berhubung dengan paracetamol.

**Rawatan:**  
Tidak ada penawar khusus yang tersedia, tetapi langkah-langkah sokongan seperti beta adrenergic antagonist untuk melawan kesan kardiotoxik boleh digunakan.


**Kesan Keupayaan Memandu dan Menggunakan Mesin**  
Kurang berkemungkinan memberi kesan kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

**Farmakodinamik**  
**Mekanisme Tindakan:**  
Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik. Mekanisme tindakannya dipercayai termasuk perencanan sintesis prostaglandin, perantarnya di dalam pusat sistem saraf.  
Kesan tambahan analgesik kafein dicadangkan berlaku melalui beberapa mekanisme: (i) sekatan tindakan proprioception periferil adenosin; (ii) pengaktifan ligan pusat noradrenergik yang membentuk sistem penindasan kesakitan endogen; dan (iii) rangsangan sistem saraf pusat dengan perubahan komponen affective kesakitan.

**Kesan Kesan Farmakodinamik:**  
Kekurangan perencanan prostaglandin periferil menghasilkan sifat farmakologi yang penting seperti pemeliharaan prostaglandin-protected di dalam saluran gastrousus. Oleh itu, paracetamol adalah sangat sesuai untuk pesakit dengan sejarah penyakit atau pesakit yang mengambil ubat serentak, di mana perencanan prostaglandin periferil tidak diinginkan seperti, contohnya mensek yang mempunyai sejarah pendarahan gastrousus atau waga tua.  
Kafein bertindak sebagai bahan bantuan analgesik yang meningkatkan kesan analgesik paracetamol dan memendekkan masa untuk permulaan kesan analgesik. Data klinikal telah menunjukkan bahawa paracetamol-kafein memberikan kelegaan kesakitan yang lebih berkesan berbanding dengan tablet paracetamol yang standard (p<0.05).

**Farmakokinetik**  
**Paracetamol:**  
**Penyerapan:**  
Paracetamol diserap dengan pantas dan hampir keseluruhannya daripada saluran gastrousus.  
**Pengalihan:**  
Pautan kepada protein plasma adalah minimum pada kepekatan terapeutik.  
**Metabolisme dan Penyingkiran:**  
Paracetamol dimetabolismakan di dalam hati dan dikeluarkan melalui air kencing terutamanya konjugat glukuronida dan sulfat. Kurang daripada 5% dikumuhkan sebagai paracetamol tidak diubahsuai. Purata separuh hayat plasma selepas pengambilan oral adalah kira-kira 2.3 jam.  
**Kajian**  
**Penyerapan:**  
Setelah pengambilan secara oral, kafein diserap dengan pantas dan sepenuhnya dari saluran gastrousus, dengan kepekatan puncak berlaku antara 5 hingga 120 minit bergantung kepada dos, status kesihatan, dan ubat-ubatan bersama pada subjek yang berpuasa. Tiada bukti metabolisme pra-sistik.  
**Pengalihan:**  
Kafein digalihan secara meluas ke seluruh badan. Purata pautan protein plasma kafein adalah kira-kira 35%.  
**Metabolisme dan Penyingkiran:**  
Kafein dimetabolisme hampir sepenuhnya (~99%) di hati melalui pengoksidaan dan demethylation kepada pelbagai derivatif xanthine, yang dikumuhkan melalui air kencing. Glicoxylate 450 (isomer) CYP1A2 hati terlibat dalam metabolisme endolitik kafein. Penyingkiran hampir sepenuhnya melalui metabolisme hati pada orang dewasa. Hanya sebilangan kecil (1 hingga 2%) daripada dos kafein yang diambil oleh manusia dikumuhkan tanpa diubah dalam air kencing. Pada orang dewasa, terdapat perbezaan individu yang ketara dalam kadar penyingkiran. Purata separuh hayat plasma selepas pengambilan oral adalah kira-kira 4.9 jam dengan julat 1.9 - 12.2 jam.  
**Paracetamol & Kafein**  
Tiada ketegapan proses penyingkiran dengan risiko peningkatan separuh hayat dan ketoksikan telah diperhatikan untuk paracetamol. Penyerapan kedua-dua bahan aktif (iaitu paracetamol dan kafein) adalah cepat seperti yang diterangkan dalam sifat farmakokinetik individu. Tiada interaksi telah diperhatikan.

**Cara Penyimpanan**  
Simpan di bawah suhu 30°C.  
**Saiz Pak**  
12 kaplet.  
**Tarikh Dikemaskini:** Mac 2025  
**Dikilangkan oleh:** Sterling Drug (Malaya) Sdn. Bhd. (Registration No: 19620100072 (4578-P))  
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.  
**Pemegang Pendaftaran Produk:** HALEON Malaysia Sdn. Bhd. (Registration No: 55990100115 (3467-X))  
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.  
**Dilimport oleh:** Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd. Plot 73, Lot 3, 4, 5 & 6, Berbi Industrial Complex, Jalan Gadong BE1118, Negara Brunei Darussalam. Tel: 673-2450102.

 **mystery.my@haleon.com** **1 800 88 3225**  
Cap dagangan adalah dimiliki oleh atau dilesenkan kepada kumpulan syarikat Haleon.  
©2025 kumpulan syarikat Haleon atau pemberi lesennya.

62000000213797